

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL PERKHIDMATAN AKAUN MAYA PB enterprise PUBLIC BANK

NOTIS:

Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise (“Perkhidmatan”) ialah penyelesaian Perkhidmatan Pengurusan Tunai (“CMS”) bersepadu yang ditawarkan oleh Public Bank Berhad atau Public Islamic Bank Berhad (“Bank”).

Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise ini disediakan untuk Pelanggan Bank, seperti yang ditakrifkan dalam ini, yang menggunakan Perkhidmatan PB enterprise Bank. Dengan itu, takrifan serta terma dan syarat Perkhidmatan PB enterprise hendaklah dianggap sebagai diulangi dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat yang mengawal Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise.

Sebelum mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan ini, Pelanggan mesti membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam ini. Sekiranya Pelanggan tidak bersetuju untuk menerima Terma dan Syarat dalam ini, Pelanggan dinasihatkan agar menghentikan akses dan/atau penggunaan Perkhidmatan ini dengan segera.

Pelanggan dimaklumkan bahawa akses atau kegunaan Perkhidmatan ini oleh Pelanggan adalah atas risiko dan inisiatif Pelanggan. Pelanggan akan bertanggungjawab bagi pematuhan semua undang-undang yang diterima pakai.

1. AM

- 1.1 Pelanggan dinasihatkan agar mendapatkan nasihat guaman, kewangan bebas atau nasihat lain yang dianggap perlu pada setiap masa sebelum membuat keputusan berdasarkan maklumat, bahan atau kandungan yang berkenaan.

2. TAKRIFAN DAN SUSUNANNYA

- 2.1 Takrifan serta terma dan syarat Perkhidmatan PB enterprise diulangi dalam ini. Semua perkataan dan pernyataan yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan PB enterprise apabila digunakan atau dirujuk dalam Terma dan Syarat dalam ini hendaklah membawa maksud yang sama seperti yang terkandung dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan PB enterprise. Perkataan dan pernyataan yang berikut hendaklah mempunyai maksud yang berikut:
 - a. "Perjanjian" bermaksud perjanjian ini antara Pelanggan dengan Bank untuk Perkhidmatan ini, dan semua tambahan, pindahan dan kelainan padanya.



- b. "Pemegang Serah Hak" bermaksud orang atau entiti yang Pelanggan memberi nombor Akaun Maya tersebut.
 - c. "Bank" bermaksud Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 (6463-H), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur atau Public Islamic Bank Berhad No. Pendaftaran 197301001433 (14328-V), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, mengikut keadaannya, dan pengganti dan penerima serah hak masing-masing dan mana-mana yang berkenaan, mana-mana satu daripadanya.
 - d. "Waktu Perniagaan" bermaksud 24 jam sehari, termasuk hari cuti umum.
 - e. "Pelanggan" bermaksud entiti korporat yang namanya terdapat dalam Akaun Induk yang disenggara dengan Bank dan kepadanya Bank telah bersetuju untuk memberi Perkhidmatan ini dan mana-mana yang berkenaan, pengganti serah hak dan wakil guaman masing-masing.
 - f. "Arahan" bermaksud arahan yang diberi oleh Pelanggan berkaitan dengan Perkhidmatan ini.
 - g. "Akaun Induk" bermaksud akaun operasi yang ditentukan oleh Pelanggan bagi semua Akaun Maya yang akan dipautkan kepadanya.
 - h. "Terma dan Syarat" bermaksud Terma dan Syarat ini yang mengawal Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise.
 - i. "Akaun Maya" ialah nombor akaun sepuluh (10) digit yang dikeluarkan secara automatik oleh Bank untuk Pelanggan memberi kepada Penyerah hak.
- 2.2 Perkataan-perkataan yang mempunyai maksud mufrad hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya.
- 2.3 Perkataan-perkataan yang membawa maksud gender maskulin hendaklah termasuk gender feminin dan gender neuter dan sebaliknya.

3. PERJANJIAN TERSEBUT

- 3.1 Terma dan Syarat di dalam ini dan semua tambahan, pindaan dan perubahan padanya hendaklah secara kolektif membentuk perjanjian antara Pelanggan dengan Bank ("Perjanjian").

- 3.2 Terma dan Syarat ini beroperasi bersama-sama dengan Terma dan Syarat Perkhidmatan PB enterprise.
- 3.3 Sekiranya terdapat percanggahan atau ketidakseragaman antara Terma dan Syarat dalam ini dengan Terma dan Syarat PB enterprise, terma dan syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan interpretasi dan penguatkuasaan sehingga setakat mana percanggahan dan ketidakseragaman berkenaan.
- 3.4 Hak ke atas Perjanjian ini boleh dipindahkan sebahagiannya atau sepenuhnya kepada mana-mana syarikat yang bergabung dengan Bank. Hak atau obligasi Pelanggan di bawah Perjanjian ini tidak boleh dipindahkan kepada entiti atau orang lain.
- 3.5 Penggunaan Perkhidmatan ini oleh Pelanggan pada bila-bila masa menandakan kepada Bank penerimaan dan persetujuan Pelanggan terhadap Terma dan Syarat ini.

4. PRASYARAT

- 4.1 Untuk menggunakan Perkhidmatan ini, Pelanggan mesti memohon yang berikut:
 - a. Akaun Semasa Korporat; dan
 - b. Perkhidmatan Pakej Premium PB enterprise.

5. AKAUN MAYA

- 5.1 Setiap Akaun Maya akan dirangkaikan kepada satu (1) Akaun Induk yang ditentukan.
- 5.2 Menjadi tanggungjawab Pelanggan untuk mengemukakan atau memberi satu (1) nombor Akaun Maya kepada Penyerah hak untuk tujuan khusus.
- 5.3 Dana boleh didepositkan dalam Akaun Maya melalui saluran yang berikut:
 - a. Terminal Layan Diri (“SST”), iaitu Mesin Teler Automatik (“ATM”), Mesin Pungutan Tunai (“CCM”), Mesin Kitar Semula Tunai (“CRM”) dan Mesin Deposit Cek (“CDM”);
 - b. Di kaunter (“OTC”); dan/atau
 - c. Pindahan Dalam Talian

- 5.4 Dana yang didepositkan melalui pindahan dalam talian atau OTC atau ATM atau CCM dan/atau CRM dalam Akaun Maya akan dilalukan kepada Akaun Induk dengan cara dan pada waktu yang dipersetujui antara Bank dan Pelanggan.
- 5.5 Apabila cek diterima di kaunter atau melalui CDM, hasil daripada cek akan hanya didepositkan dalam Akaun Maya apabila cek ditunaikan.
- 5.6 Tiada pengeluaran boleh dibenarkan dibuat daripada Akaun Maya.
- 5.7 Tiada dana boleh didepositkan dalam Akaun Maya dalam keadaan yang berikut: -
- Apabila Akaun Maya dikelaskan sebagai “tidak aktif”; atau
 - Apabila Pelanggan adalah empunya tunggal, apabila Pelanggan meninggal dunia, tidak waras atau bankrap; atau
 - Sekiranya Pelanggan adalah syarikat terhad, apabila petisyen penggulungan terhadap Pelanggan; atau
 - Apabila apa-apa proses guaman atau perintah Mahkamah diserahkan ke atas Bank terhadap Pelanggan.

6. KETERSEDIAAN PERKHIDMATAN

- 6.1 Perkhidmatan ini disediakan pada Waktu Perniagaan; 24 jam sehari termasuk pada hari cuti.

7. CAJ BANK

- 7.1 Dengan ini, Pelanggan bersetuju dan mengaku janji untuk membayar Bank kesemua caj perkhidmatan dan urus niaga yang Bank mungkin kenakan berkaitan dengan Perkhidmatan ini. Perkhidmatan atau urus niaga itu akan didebitkan daripada Akaun Induk Pelanggan apabila kedua-duanya perlu dibayar. Semua fi perkhidmatan atau caj urus niaga yang belum dibayar akan termasuk cukai yang diterima pakai.

8. PENDEDAHAN

- 8.1 Bagi tujuan menyediakan untuk Pelanggan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh Bank melalui Internet, adalah perlu maklumat mengenai Pelanggan dimaklumkan atau disediakan melalui Internet kepada ejen, pembekal, vendor dan syarikat perkhidmatan yang memberi sokongan dan perkhidmatan bagi produk dan perkhidmatan Bank. Maklumat pelanggan tidak akan diberi kepada pihak ketiga bagi tujuan selain daripada di atas dan hanya maklumat berkenaan sebagaimana yang diperlukan akan disediakan.
- 8.2 Dengan menerima Terma dan Syarat ini, Pelanggan bersetuju untuk mendedahkan maklumat peribadi Pelanggan kepada orang seperti yang dinyatakan dalam ini dan sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang.
- 8.3 Sungguhpun Bank komited dalam mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dan berusaha sebaik mungkin untuk memastikan maklumat yang dihantar dan diterima adalah selamat, Pelanggan maklum risiko yang terbabit melalui penggunaan Internet.

9. PENAMATAN

- 9.1 Tanpa mengambil kira apa-apa sebaliknya dalam ini, Bank boleh menggantung atau menamatkan hak Pelanggan untuk mengakses Perkhidmatan dengan memberi notis.
- 9.2 Bank berhak untuk menamatkan hak Pelanggan untuk mengakses Perkhidmatan sekiranya Pelanggan tidak lagi mengendalikan apa-apa akaun dengan Bank yang boleh diakses menerusi Perkhidmatan PB enterprise.
- 9.3 Pelanggan boleh menamatkan penggunaan dan akses kepada Perkhidmatan oleh Pelanggan dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Bank. Perkhidmatan kepada Pelanggan akan dibatalkan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Bank menerima notis penamatan tersebut.

Dengan ini Pelanggan bersetuju untuk tidak menggunakan Perkhidmatan mulai tarikh notis penamatan oleh Pelanggan dan selanjutnya bersetuju bahawa Bank tidak berkewajipan untuk melaksanakan apa-apa Arahan yang diterima pada mana-mana hari selepas penerimaan notis penamatan daripada Pelanggan.

- 9.4 Apabila Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise ditamatkan sama ada oleh pengaliran keluar masa, kemungkiran atau sebaliknya:
- a. Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan Penyerah Hak bahawa Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise telah tamat;
 - b. Selanjutnya, Pelanggan hendaklah dengan segera memastikan bahawa semua rujukan dalam bahan promosi dan pengiklanannya dipadamkan atau dikeluarkan;
 - c. Bank dan Pelanggan hendaklah melakukan semua perkara yang secara munasabahnya perlu bagi memastikan pengaturan di bawah Perkhidmatan Akaun Maya PB enterprise dilaksanakan dengan berkesan dan sewajarnya.
- 9.5 Pelanggan mengaku bahawa penamatan itu tidak menjejaskan liabiliti atau obligasi Pelanggan berkenaan dengan apa-apa Arahan yang telah diproses dan/atau dilaksanakan oleh Bank bagi pihak Pelanggan.

10. TANGGUNGJAWAB KERAHSIAAN PELANGGAN

- 10.1 Dengan ini, Pelanggan mengakui keperluan kerahsiaan dan obligasi yang ketat yang dikenakan ke atas Public Bank Berhad di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Public Islamic Bank Berhad di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, mengikut keadaan, dan mengaku janji untuk tidak atau menyebabkan untuk diambil apa-apa tindakan atau ketertinggalan yang akan menyebabkan Public Bank Berhad atau Public Islamic Bank Berhad untuk memungkiri tanggungjawab kerahsiaan dan obligasinya yang ketat seperti yang dinyatakan di atas. Obligasi ke atas Pelanggan dalam ini hendaklah melepasi penamatan dan/atau penamatan Terma dan Syarat di dalam ini.
- 10.2 Sekiranya Pelanggan menerima apa-apa bahan atau data yang mengandungi maklumat yang Pelanggan bukanlah penerima yang sepatutnya, dengan ini Pelanggan memberi notis bahawa apa-apa penggunaan, penyebaran, pengagihan atau penyalinan bahan atau data dilarang dan tertakluk pada guaman terlindung. Pelanggan bersetuju untuk menghapuskan bahan atau data tersebut dan selanjutnya bersetuju untuk memaklumkan kepada Bank melalui telefon dengan segera.

11. TANGGUNG RUGI

- 11.1 Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya daripada mana-mana dan/atau semua liabiliti, kerugian, ganti rugi, penalti, tindakan, penilaian, kos, perbelanjaan atau pengeluaran apa-apa jua pun yang mungkin dikenakan, perlu ditanggung atau dinyatakan terhadap Bank berkenaan dengan apa-apa kenyataan, representasi, komunikasi, tindakan dan/atau ketinggalan dalam apa juga cara berkaitan dengan atau berikutan daripada kecuaiian atau tingkah laku yang disengajakan atau pelanggaran atau apa-apa ketertinggalan, kelewatan, penangguhan, mungkir atau kegagalan obligasi Pelanggan di bawah Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan di dalam ini atau bagaimanapun ia disebabkan oleh Pelanggan dan/atau mana-mana pegawai dan kakitangannya dalam melaksanakan obligasinya mengikut Terma dan Syarat ini.
- 11.2 Selanjutnya, Pelanggan bersetuju bahawa Bank tidak bertanggungjawab ke atas Pelanggan bagi atau berkenaan dengan tuntutan oleh pihak ketiga dan Pelanggan hendaklah menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada dan terhadap apa-apa liabiliti, tuntutan, kehilangan, ganti rugi atau perbelanjaan dalam apa juga bentuk (termasuk liabiliti ketat dalam tort) berkenaan dengan atau berikutan daripada hak pihak ketiga dan pencabulannya.
- 11.3 Pelanggan mengaku janji untuk menanggung rugi Bank bagi apa-apa pecah laku kerahsiaan dan apa-apa akibat daripadanya, yang hendaklah termasuk apa-apa akses yang tidak dibenarkan atau tidak sah dari segi undang-undang kepada maklumat oleh pihak ketiga yang menggunakan apa jua cara sekali pun.
- 11.4 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi penipuan atau arahan tidak dibenarkan, atau apa-apa kerugian (termasuk kerugian turutan), ganti rugi atau liabiliti apa juga yang perlu ditanggung dan/atau dialami oleh Pelanggan melainkan disebabkan oleh kecuaiian atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank.
- 11.5 Oligasi Pelanggan dalam ini hendaklah mengatasi penamatan mana-mana daripada Perkhidmatan kepada Pelanggan oleh mana-mana pihak.

12. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT

12.1 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memotong atau membuat penambahan pada mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar dengan cara yang dianggap sesuai oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad pada peletakan notis di laman web ini, mempamerkan notis di premis Bank atau menghantar notis kepada Pelanggan ke alamat terakhir yang diketahui yang terdapat dalam rekod Bank. Walaupun begitu, Pelanggan boleh meneliti Terma dan Syarat yang disemak itu semasa mengakses Perkhidmatan di laman web ini dan penggunaan perkhidmatan tersebut selepas itu akan dianggap sebagai penerimaan perubahan, pindaan, pemotongan atau tambahan tersebut oleh Pelanggan.

13. NOTIS

13.1 Dengan ini Pelanggan mengizinkan semua notis dan komunikasi lain yang melibatkan Perkhidmatan atau yang diperlukan di bawah Terma dan Syarat berkenaan atau yang boleh diberi oleh Bank melalui salah satu cara yang berikut:

13.1.1 Melalui pos biasa ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui dalam rekod Bank dan pemberitahuan sedemikian hendaklah dianggap telah diterima dua (2) hari selepas surat tersebut dipos;

13.1.2 Melalui mel elektronik ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui dalam rekod Bank dan pemberitahuan sedemikian hendaklah dianggap telah diterima dua puluh empat (24) jam selepas ia dihantar;

13.1.3 Dipamerkan di premis perniagaan Bank dan pemberitahuan sedemikian hendaklah dianggap berkuat kuasa apabila ia dipamerkan;

13.1.4 Melalui iklan dalam satu sisipan dalam mana-mana akhbar utama dan pemberitahuan tersebut hendaklah dianggap berkuat kuasa pada tarikh penerbitan iklan tersebut dalam mana-mana akhbar berkenaan;

13.1.5 Dengan memasukkan notis dalam Penyata Akaun Bank kepada Pelanggan dan pemberitahuan sedemikian hendaklah dianggap berkuat kuasa dua (2) hari selepas tarikh pengeposan notis berkenaan yang terkandung dalam Penyata Akaun kepada Pelanggan;

- 13.1.6 Menghebahkan mesej dalam Saluran Digital Bank seperti SMS, Perkhidmatan PB enterprise; dan/atau
- 13.1.7 Jika dimaklumkan kepada Pelanggan melalui apa-apa cara yang diluluskan oleh Bank.
- 13.2 Semua notis kepada Bank berkenaan dengan Perkhidmatan dan Terma dan Syarat berkenaan hendaklah secara bertulis, ditandatangani oleh Pelanggan dan hendaklah dihantar ke alamat yang berikut atau dikirim atau dihantar melalui cara lain yang mungkin dimaklumkan oleh Bank kepada Pelanggan dari semasa ke semasa:

Perbankan Urus niaga - Perbankan Digital
Pengurusan Kewangan dan Perbankan Urus niaga,
Tingkat 20, Menara Public Bank,
146, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur

14. MENGIKAT PENGGANTI

- 14.1 Terma dan Syarat dalam ini hendaklah mengikat kepada waris, wakil diri, wasi dan pengganti dari segi hak milik Pelanggan dan kepada pengganti dari segi hak milik serah hak Bank atau mana-mana Syarikat yang perniagaan Bank mungkin pada masa ini dijalankan, dan Pelanggan tidak berhak untuk menyerah hak apa-apa hak atau obligasi Pelanggan dalam Terma dan Syarat dalam ini melainkan dengan kebenaran bertulis yang nyata daripada Bank terlebih dahulu.

15. DASAR ANTI-RASUAH DAN SOGOKAN

- 15.1 Bank telah melaksanakan Dasar Anti-Rasuah dan Anti-Sogokan yang menerima pakai “dasar sifar toleransi” terhadap apa-apa bentuk rasuah dan sogokan dalam menjalankan perniagaan. Untuk maklumat lanjut, Pelanggan dinasihatkan melayari laman web Bank <https://www.publicbankgroup.com/About-Us/Board-Of-Directors/Anti-Bribery-and-Anti-Corruption-Policy>. Bank berhak untuk menamatkan Perjanjian ini sekiranya Pelanggan atau mana-mana pegawai atau ejennya didapati terlibat dalam rasuah atau sogokan.

16. PENIPUAN/ARAHAN TIDAK DIBENARKAN/PELANGGARAN KESELAMATAN

16.1 Dengan ini Pelanggan mengakui bahawa Bank tidak bertanggungjawab terhadap penipuan atau arahan yang tidak dibenarkan, atau apa-apa kerugian (termasuk kerugian turutan), ganti rugi atau liabiliti apa juga yang dialami dan/atau ditanggung oleh Pelanggan sekiranya:

- Pelanggan atau kakitangannya atau pegawainya atau ejennya telah melakukan penipuan; dan/atau
- Pelanggan gagal untuk menjalankan obligasi yang berikut:
 - (i) Untuk melindungi maklumat perbankan peribadi sensitif Pelanggan seperti ID, kata laluan dan PAC, dengan mendedahkannya secara lisan atau bertulis kepada pihak ketiga;
 - (ii) Untuk mengambil langkah-langkah pencegahan yang bertanggungjawab untuk mengemas kini dan melindungi komputer peribadi dan peranti pintar milik Pelanggan bagi memastikan kesemuanya bebas daripada *malware*/virus;
 - (iii) Untuk mengambil langkah-langkah yang baik bagi memastikan Pelanggan menukar kata laluan, memeriksa maklumat perbankan dan bakinya secara berkala dan menyimpan maklumat perbankan yang sensitif dan peranti keselamatannya dengan selamat pada setiap masa;
 - (iv) Untuk melaporkan pelanggaran atau penerobosan keselamatan secepat yang mungkin (dalam tempoh 24 jam) walau di mana pun Pelanggan berada selepas mengesan berlakunya pelanggaran atau kerugian, sama ada secara lisan atau bertulis kepada pegawai khidmat sokongan pelanggan Bank atau mana-mana cawangan Bank;
 - (v) Untuk menyerahkan laporan polis rasmi yang dibuat di Malaysia kepada Bank secepat yang mungkin selepas membuat laporan mengenai penerobosan keselamatan kepada Bank; dan/atau
 - (vi) Untuk memberi Bank maklumat berikut, secara lisan atau bertulis, berkenaan dengan urus niaga yang dipertikaikan: nama Pelanggan, akaun yang berkenaan, tarikh dan amaun urus niaga yang dipertikai dan sebab-sebab mengapa Pelanggan percaya bahawa ia adalah urus niaga yang dipertikaikan.



- 16.2 Bank akan bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan dan berhak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap Pelanggan yang melengah-lengahkan, menghalang dan/atau menyorokkan maklumat daripada Bank, menerbitkan tuntutan palsu di media biasa atau media sosial dan/atau membuat laporan polis palsu berkenaan dengan urusan niaga yang dibuat atau dikatakan dibuat melalui Perkhidmatan.

Dikeluarkan pada 1 September 2020